

21/12/1997

Acara antarabangsa perkenal negara

SHAH ALAM: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, lebih banyak acara antarabangsa yang boleh menarik pelancong dan penyertaan asing, perlu dianjurkan di Malaysia.

Perdana Menteri berkata, acara itu haruslah memanfaatkan seperti acara tahunan lumba basikal bertaraf dunia, Le Tour de Langkawi.

Bercakap kepada pemberita pada Majlis Sekalung Budi untuk menghargai penaja acara Le Tour de Langkawi tahun depan, Dr Mahathir berkata, berikutan masalah mata wang yang dihadapi negara kini, lebih banyak acara menarik harus diadakan di Malaysia untuk penduduk tempatan.

"Orang kita tak boleh pergi ke luar negara (kerana masalah mata wang), jadi dia duduk dalam negeri, kena ada hiburan.

"Kita juga mahu orang melawat Malaysia menerusi acara ini dan mereka mesti tahu mengenai Malaysia," katanya.

Pengerusi Sukom Ninety Eight Bhd, Tan Sri Hashim Mohd Ali dan Pengerusi First Cartel Sdn Bhd, Wan Lokman Wan Ibrahim, turut hadir pada majlis itu.

(END)